

PERINGATAN MENGENAI KETIDAKHADIRAN BERTUGAS

Peraturan 23, Jadual Kedua, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) menyatakan bahawa ketidakhadiran untuk bertugas oleh seseorang pegawai tanpa cuti atau terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah boleh menyebabkan dia dikenakan tindakan tatatertib.

Pelucuthakan Emolumen Kerana Tidak Hadir Bertugas

Peraturan 26, Peraturan 23, Jadual Kedua, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) menyatakan bahawa jika seseorang pegawai telah didapati bersalah kerana tidak hadir untuk bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, dia tidak berhak kepada apa-apa emolumen bagi tempoh ketidakhadirannya dan segala emolumen sedemikian hendaklah disifatkan telah terlucut hak walaupun Jawatankuasa Tatatertib berkenaan tidak mengarahkan pelucuthakan itu.



Bahagian Governan dan Integriti
Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia